



**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK: LAPORAN AKHIR KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>1) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>3) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |

## **Pengenalan**

Simulasi adalah suatu situasi yang diwujudkan supaya menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dikecilkan supaya masalah atau isu yang berkaitan lebih mudah diselesaikan. Dalam kursus PGT 223 ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengadakan situasi pembelajaran seperti di dalam kelas sebenar tetapi melibatkan murid yang sedikit yang terdiri daripada rakan-rakan yang mengambil kursus ini juga. Simulasi ini dilaksanakan bagi melatih pelajar untuk membiasakan diri dengan situasi mengajar. Selain itu, melalui simulasi ini, pelajar dapat mempraktikkan teknik-teknik yang telah dipelajari di dalam kuliah dan kursus-kursus kaedah mengajar sebelum ini. Simulasi ini diperlukan oleh bakal guru supaya mereka mendapat gambaran kepada sesi pengajaran sebenar yang akan dijalankan di dalam kelas pada masa akan datang. Melalui simulasi ini juga mereka akan meningkatkan potensi yang ada, mengatasi kekurangan diri dan mempergilapkan kelebihan yang ada pada diri setiap pelajar.

Bagi kursus ini, kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan tutorial dan dalam setiap kumpulan tutorial mempunyai beberapa kumpulan untuk dilaksanakan simulasi. Dalam simulasi ini, setiap kumpulan yang merangkumi 4 hingga 5 orang perlu bergabung idea dan melaksanakan simulasi secara berkumpulan mengikut turutan yang telah disusun. Simulasi ini memerlukan kerjasama yang jitu oleh setiap ahli kumpulan supaya perjalanan simulasi yang akan dilaksanakan memenuhi objektif yang ingin dicapai. Setiap kumpulan dibahagikan tema untuk kesesuaian tajuk yang ingin disampaikan. Kumpulan kami memilih tema geografi manusia untuk pelaksanaan simulasi ini dan tajuk yang kami pilih ialah taburan penduduk di Malaysia. Simulasi yang dilaksanakan telah kami susun sebaiknya untuk mencapai hasil yang terbaik.

Sebelum simulasi ini dilaksanakan, kami ditugaskan untuk menemubual murid tingkatan 1 bagi mendapatkan maklumat tentang minat dan perasaan pelajar terhadap pembelajaran matapelajaran Geografi. Setiap kumpulan memerlukan sekurang-kurangnya 5 orang murid untuk ditemubual sama ada secara bersemuka dengan murid tersebut atau melalui perantaraan teknologi seperti Whatsapp dan sebagainya. Temu bual ini bertujuan untuk menganalisis perasaan pelajar terhadap matapelajaran ini dan menjalankan aktiviti simulasi mengikut kehendak yang diperlukan oleh murid. Analisis ini penting bagi memastikan simulasi yang dilaksanakan mengikut kehendak dan bersesuaian dengan apa yang dapat diterima oleh murid sekali gus dapat mempertingkatkan keberkesanan pengajaran yang dilakukan.

Simulasi melalui kursus ini mempunyai sedikit kelainan dengan kursus simulasi kaedah mengajar sebelum ini kerana memerlukan kumpulan yang sangat bekerjasama bagi menjayakan simulasi pengajaran yang terbaik. Kerjasama yang ditunjukkan oleh setiap kumpulan serta idea-idea yang sangat menarik menjadikan setiap ahli kumpulan saling membantu dan melengkapi antara satu sama lain. Faedah melalui simulasi ini memberikan kami lebih terkedepan untuk meningkatkan potensi diri yang ada serta mengatasi kekurangan yang terdapat dalam diri. Sesungguhnya, simulasi mengajar ini memberi pendedahan dan satu langkah permulaan untuk menjadi bakal guru yang proaktif, kreatif dan berkualiti untuk melahirkan generasi yang cemerlang pada masa akan datang.



**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**


---

**TAJUK: BUKTI TEMUBUAL MURID**


---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>5) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>6) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>7) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>8) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |



Temu bual pelajar 1



Temu bual pelajar 2



Temu bual pelajar 3

## **LINK YOUTUBE TEMU BUAL 4**

<https://www.youtube.com/watch?v=kWnURsxpJzo>

Penyelidik: Adik tingkatan berapa?

Murid: Tingkatan 1.

Penyelidik: Aisyah Hamizah.

Penyelidik: Ambil subjek Geografi?

Murid: Ambil.

Penyelidik: Minat tak Geografi?

Murid: Minat.

Penyelidik: Sebab apa minat Geografi?

Murid: Sebab senang nak faham dan minat sebab ada aktiviti melukis contohnya cikgu suruh lukis simbol jambatan, rumah dan petempatan.

Penyelidik: Kalau boleh adik nak cikgu buat aktiviti apa lagi yang adik suka?

Murid: Aktiviti dalam kumpulan, kerjasama dalam kumpulan dan saya suka buat kajian di luar kelas.

## **LINK YOUTUBE TEMU BUAL 5**

<https://www.youtube.com/watch?v=kOquJ32Fas>

Penyelidik: Adik tingkatan berapa?

Murid: Tingkatan 1.

Penyelidik: Nama adik?

Murid: Marsya Mokhtar.

Penyelidik: Minat tak Geografi?

Murid: Boleh lah minat.

Penyelidik: Sebab apa adik minat Geografi?

Murid: Sebab dia subjek senang.

Penyelidik: Selain senang apa yang membuatkan adik minat Geografi. Sebab cikgu ke?

Murid: Sebab cikgu. Cikgu ajar pakai buku.

Penyelidik: Apa aktiviti yang cikgu buat?

Murid: Cikgu selalu suruh melukis contohnya lukis peta Malaysia.

Penyelidik: Paling suka tajuk apa?

Murid: Saya suka tajuk penduduk.

Penyelidik: Pernah belajar luar kelas tak?

Murid: Pernah kadang-kadang.

## LINK YOUTUBE TEMU BUAL 6

<https://www.youtube.com/watch?v=yoGuoIDxYdc&feature=youtu.be>

Penyelidik: Suka Geo ke tak?

Murid: \*Menggenggeleng kepala.

Penyelidik: Tak suka, kenapa?

Murid: Kerana cikgu kalau bagi nota sikit, cikgu bagi macam tulis dekat *white board*.  
Ataupun kita tulis pakai bab-bab.

Penyelidik: Oh..

Murid: Lepastu cikgu akan bagi nota satu bab tu terus. Ataupun..

Penyelidik: Satu kelas?

Murid: Ah satu kelas. ataupun buat dalam *group-group*.

Penyelidik: Macam tu je?

Murid: \*Mengangguk kepala.

Penyelidik: Pastu bosan ke cemana?

Murid: Ada yang seronok, ada yang bosan.

Penyelidik: Ada yang seronok, ada yang bosan. Tapi suka atau tak suka?

Murid: Emm.. 50-50 la..





**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



## **PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**

### **PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK : ANALISIS TEMUBUAL MURID**

---

#### **NAMA AHLI KUMPULAN**

<b>9) AISAH BINTI EMRAN</b>	<b>136335</b>
<b>10) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b>	<b>136417</b>
<b>11) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>	<b>136467</b>
<b>12) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b>	<b>136421</b>

## **ANALISIS TEMUBUAL MURID**

Kami telah menjalankan satu temu bual khususnya kepada enam orang murid tingkatan satu yang bersekolah daripada sekolah yang berbeza. Berdasarkan temubual yang telah kami jalankan, kami mendapati empat orang daripada enam orang murid yang telah ditemu bual berminat dan suka dengan mata pelajaran Geografi manakala dua lagi kurang berminat. Antara faktor yang menarik minat murid terhadap mata pelajaran Geografi ialah disebabkan oleh mata pelajaran Geografi yang senang. Buktinya, empat orang daripada enam murid yang telah ditemu bual menyatakan bahawa mata pelajaran ini mudah untuk difahami. Hal ini dapat dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang guru gunakan. Penggunaan pendekatan yang berbeza dan penerangan lengkap yang diberikan membuatkan mata pelajaran Geografi mudah difahami oleh murid. Meskipun kadang-kala penerangan yang diberikan guru adalah ringkas, tetapi ia tetap mudah difahami dan tidak rumit. Guru mereka juga mempunyai cara tersendiri untuk memahamkan murid jika mereka tidak memahami penerangan yang disampaikan di dalam kelas. Murid boleh bertanya guru secara individu apabila penerangan tersebut kurang difahami. Sikap kawan-kawan yang membantu juga membuatkan murid seronok belajar mata pelajaran Geografi ini. Selain daripada mengajar di dalam kelas, guru juga ada membawa murid untuk belajar di luar kelas. Murid akan dapat menghirup udara segar dan dapat cuci mata. Mata pelajaran Geografi ini akan menjadi mudah jika guru menjadikan pengajaran dan pembelajaran itu mudah dan menarik.

Faktor kedua yang membuatkan murid minat dengan mata pelajaran Geografi ialah disebabkan oleh aktiviti yang dijalankan oleh guru. Selain daripada mendengar penerangan guru semata-mata, murid juga diminta untuk menulis. Antara aktiviti menulis yang dijalankan di dalam kelas adalah membuat latihan yang diberikan di dalam buku kerja dan buku aktiviti membolehkan mereka meningkatkan daya pemahaman yang diperolehi melalui penerangan guru sebelum ini. Walaupun guru memakai buku untuk menerangkan, guru juga menyeimbangkan pengajaran dengan melakukan aktiviti lain yang menarik perhatian murid supaya tidak mengantuk dan bosan. Misalnya, salah seorang murid yang ditemu bual lebih berminat dengan topik penduduk kerana dapat melukis seperti melukis taburan penduduk berdasarkan kepadatan penduduk di atas peta. Selain melukis taburan penduduk, guru juga menyuruh murid untuk melukis simbol-simbol mengikut topik seperti melukis jambatan, rumah dan petempatan di sesuatu kawasan. Murid juga menyatakan bahawa gurunya mengajar Geografi dengan melakukan banyak aktiviti yang dapat merangsang pemikiran mereka serta tidak membosankan.

Selain itu, terdapat juga murid yang meminati mata pelajaran Geografi disebabkan kandungan pelajarannya yang menarik. Hal ini demikian kerana, mata pelajaran Geografi ini merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan bumi dan alam sekitar yang mana sangat berkait dengan kehidupan murid itu sendiri. Antara topik yang diminati oleh murid yang telah ditemu bual termasuklah lapisan bumi, topik pencemaran, topik rumah hijau, taburan penduduk, peta dan banyak lagi.

Meskipun begitu, terdapat dua orang murid yang tidak suka dan tidak berminat dengan mata pelajaran Geografi ini. Hal ini kerana segelintir guru tidak menjalankan sesi pengajaran yang khusus dalam kelas tetapi hanya meminta pelajar membuat nota dan membentang nota hasil perbincangan mereka sahaja. Terdapat juga sebahagian guru yang hanya menulis nota di papan tulis lalu meminta pelajar menyalin nota tersebut tanpa membuat penerangan yang lengkap. Kebiasaannya, pengajaran seperti ini banyak dijalankan oleh guru-guru lama yang kurang terdedah dengan keperluan pendidikan semasa. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, dapat dikatakan bahawa terdapat segelintir guru yang kurang kreatif dan kurang mengamalkan elemen-elemen pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran mereka.

Melalui temu bual ini, kumpulan kami mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti yang mudah dan tidak merumitkan kerana kami merasakan aktiviti lebih berkesan melalui cara penyampaian dan penerangan yang menarik. Guru perlulah melakukan aktiviti yang menarik dan sentiasa mengikut peredaran masa dan citarasa murid. Sebagai contoh, guru bukan sahaja melakukan kaedah menerang malah melakukan aktiviti menggunakan alat bantu belajar yang menarik seperti peta. Di samping itu, melakukan pengajaran dan pembelajaran di luar kelas supaya murid dapat mendekati diri dengan alam sekitar, mengambil udara segar dapat menarik minat dengan Geografi. Aktiviti melukis juga sangat menarik. Selain itu, guru boleh melaksanakan aktiviti perbincangan dan melakukan aktiviti berkumpulan yang bersesuaian dengan topik pengajaran. Kesannya, murid akan dapat bertukar-tukar pendapat dan memudahkan pemahaman mereka melalui perbincangan bersama-sama rakan. Murid juga tidak akan mudah bosan dan mengantuk apabila berlakunya pergerakan di dalam kelas. Kaedah mengajar Geografi di dalam kelas dapat melatih guru untuk merancang pengajaran yang lebih menarik berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Guru perlu mempunyai pelbagai strategi pengajaran untuk sentiasa membuat pengajaran menjadi menarik walaupun tanpa penggunaan teknologi terutamanya di sekolah pedalaman yang kurang dari segi kemudahan seperti *LCD* dan *projector*.



**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK: RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) LAMA**

---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>1) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>3) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

<b>Subjek</b>	Geografi	<b>Hari</b>	Selasa
<b>Tingkatan</b>	1 Dinamik	<b>Tarikh</b>	19/11/2019
<b>Bilangan murid</b>	23 orang	<b>Jangka masa</b>	9.00-10.00
<b>Standard Kandungan</b>			
Taburan penduduk dan faktor mempengaruhinya di Malaysia.			
<b>Standard Pembelajaran</b>			
3.1 Menjelaskan dengan contoh taburan penduduk di Malaysia			
<b>Objektif Pembelajaran:</b>			
<b>Pada akhir pembelajaran murid dapat :</b>			
1.	Menyatakan taburan penduduk di Malaysia		
2.	Melabel taburan penduduk pada peta Malaysia		
3.	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia		
<b>Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</b>	Kreativiti dan Inovasi		

<b>Bahan Bantu Belajar (BBB)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kad warna yang berbeza untuk menunjukkan jenis-jenis taburan penduduk di sesuatu kawasan.</li> <li>2. Peta Malaysia</li> <li>3. Powerpoint</li> <li>4. Papan putih</li> <li>5. Peta lakar</li> <li>6. kotak ajaib</li> <li>7. Sticker</li> <li>8. Kad perkataan</li> <li>9. Gambar</li> </ol>
----------------------------------	---

<b>Langkah</b>	<b>Isi Pelajaran</b>	<b>Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>Catatan</b>
<b>Induksi Set</b>	Taburan Penduduk Di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guru menyediakan 3 kad yang berbeza warna dan bilangan di dalam sebuah kotak ajaib.</li> <li>- guru meminta murid untuk meneka isi yang terdapat di dalam kotak ajaib</li> <li>- kotak yang berisi 3 jenis kad warna diedarkan kepada murid</li> <li>- guru mengarahkan murid mencabut kad warna di tempat duduk masing-masing</li> <li>- Murid diminta untuk bergerak membentuk kumpulan mengikut kad warna yang sama</li> <li>- murid akan membentuk kumpulan yang berbeza saiz</li> </ul>	<p>-Tujuan ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tajuk yang ingin diajar.</p> <p>- BBB:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kertas warna</li> <li>2. Kotak ajaib</li> </ol> <p>-EMK</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. kreatif</li> </ol>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- guru meminta murid untuk meneliti keadaan kumpulan yang dibentuk oleh murid.</li> <li>- Wakil murid diminta untuk menerangkan pemahaman mereka berdasarkan aktiviti</li> <li>- guru memberi maklum balas terhadap penerangan pelajar</li> <li>- guru mengarahkan murid untuk kembali ke tempat asal</li> <li>- guru mengaitkan aktiviti dengan topik pembelajaran yang akan diajar</li> </ul>	
<b>Langkah penerokaan 1</b>	Taburan Penduduk Di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>-guru mengedarkan gambar dan kad perkataan yang menunjukkan ciri-ciri taburan penduduk</li> <li>-guru melukis tiga bahagian mengikut jenis kepadatan taburan penduduk di papan putih</li> <li>- murid diminta untuk meneliti gambar dan perkataan yang diberikan</li> <li>- Murid diminta untuk menampal gambar dan kad perkataan tersebut di papan putih mengikut kesesuaian</li> <li>-murid diminta untuk menyatakan sebab-sebab memilih bahagian jenis kepadatan berdasarkan gambar dan perkataan yang ditampal</li> <li>- Penilaian diberikan oleh guru dan murid terhadap aktiviti yang dijalankan</li> </ul>	<b>BBB:</b> 1. gambar 2. kad perkataan
	Jenis Taburan Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru menerangkan taburan penduduk di Malaysia</li> <li>- Guru menjelaskan ciri-ciri kawasan berdasarkan jenis taburan penduduk,</li> </ul>	Murid dapat membezakan ciri-ciri kawasan mengikut jenis taburan penduduk.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru memberi contoh kawasan tertentu mengikut jenis taburan penduduk.</li> <li>-Guru mengadakan sesi soal jawab bersama murid.</li> <li>-Murid memberi perhatian terhadap penerangan guru dan memberi maklum balas terhadap soalan yang dikemukakan oleh guru.</li> </ul>	<p>BBB</p> <p>1. powerpoint</p>
<b>Langkah 3 pengembangan</b>	Jenis Taburan Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guru memaparkan peta Malaysia 'kadbod' di papan putih</li> <li>- murid diminta untuk mengenalpasti kawasan yang mempunyai taburan penduduk yang padat, sederhana dan jarang</li> <li>-Guru memberi penerangan mengenai cara melabel peta mengikut warna yang berbeza.</li> <li>-murid diminta untuk berdiri dan kehadapan kelas</li> <li>- Murid yang diberikan tiga jenis 'pin peta berwarna' diminta untuk mencucuk pin tersebut di peta mengikut kepadatan penduduk</li> <li>- Murid diminta menerangkan peta yang dilabelkan</li> <li>-Murid mendengar penilaian guru sambil membuat rujukan berdasarkan peta yang telah dipaparkan guru bagi mengukuhkan pengetahuan yang sedia ada</li> <li>- Guru memaparkan gambar kawasan di Malaysia mengikut jenis taburan penduduk.</li> <li>-guru memberikan peta kosong dan pensel warna kepada setiap pelajar</li> </ul>	<p>-Tujuan adalah untuk pelajar dapat mengenalpasti jenis-jenis taburan penduduk yang berbeza mengikut kawasan di Malaysia.</p> <p>BBB:</p> <p>1. Peta</p> <p>2. sticker</p> <p>3. powerpoint</p>



		<p>-Guru mengarahkan murid mewarnakan peta tersebut mengikut 3 warna berdasarkan jenis taburan penduduk.</p> <p>-Murid mewarnakan peta mengikut jenis taburan penduduk berdasarkan contoh kawasan yang dipaparkan oleh guru.</p> <p>-wakil pelajar membentangkan peta yang telah diwarnakan di hadapan kelas</p> <p>-guru membuat penilaian terhadap peta yang diwarnakan.</p>	
<b>Penutup</b>	Rumusan dan Latihan Susulan	<p>- Guru meminta murid untuk membuat rumusan di atas kertas berwarna yang disediakan</p> <p>-Pelajar membuat kesimpulan dan rumusan berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p>	



**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK: RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) BARU**

---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>1) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>3) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

<b>Subjek</b>	Geografi	<b>Hari</b>	Selasa
<b>Tingkatan</b>	1 Dinamik	<b>Tarikh</b>	19/11/2019
<b>Bilangan murid</b>	23 orang	<b>Jangka masa</b>	9.00-10.00
<b>Standard Kandungan</b>	Taburan penduduk dan faktor mempengaruhinya di Malaysia.		
	3.1 Menjelaskan dengan contoh taburan penduduk di Malaysia 3.1.2 Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia.		
<b>Objektif Pembelajaran:</b>			
<b>Pada akhir pembelajaran murid dapat :</b>			
1.	Menyatakan taburan penduduk di Malaysia		
2.	Melabel taburan penduduk pada peta Malaysia		
3.	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia		
<b>Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</b>	Kreativiti dan Inovasi		

<b>Bahan Bantu Belajar (BBB)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kad warna yang berbeza untuk menunjukkan jenis-jenis taburan penduduk di sesuatu kawasan.</li> <li>2. Peta Malaysia</li> <li>3. Powerpoint</li> <li>4. Papan putih</li> <li>5. Peta lakar</li> <li>6. kotak ajaib</li> <li>7. Sticker</li> <li>8. Kad perkataan</li> <li>9. Gambar</li> </ol>
----------------------------------	---

Langkah	Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
<b>Induksi Set (5 minit)</b>	Taburan Penduduk Di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru menyediakan 3 kad yang berbeza warna dan bilangan di dalam sebuah kotak ajaib.</li> <li>- Kotak yang berisi 3 jenis kad warna diedarkan kepada murid.</li> <li>- Setiap murid akan mendapat 1 warna.</li> <li>- Guru mengarahkan murid mencabut kad warna di tempat duduk masing-masing.</li> <li>- Murid mula mencabut kad warna yang diedarkan.</li> <li>- Murid diminta untuk bergerak membentuk kumpulan mengikut kad warna yang sama seperti yang diarahkan oleh guru.</li> <li>- Murid akan membentuk kumpulan yang berbeza saiz.</li> </ul>	<p>-Tujuan ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tajuk yang ingin diajar.</p> <p>- BBB:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kertas warna</li> <li>2. Kotak ajaib</li> <li>3. Papan putih</li> </ol> <p>-EMK</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. kreatif</li> </ol>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru meminta murid untuk meneliti keadaan kumpulan yang dibentuk oleh murid.</li> <li>- Masa diberikan oleh guru selama 1 minit untuk membuat penelitian.</li> <li>- Wakil murid diminta untuk menerangkan pemahaman mereka berdasarkan aktiviti.</li> <li>- Guru memberi maklum balas terhadap penerangan pelajar.</li> <li>- Guru mengarahkan murid untuk kembali ke tempat asal.</li> <li>- Guru mengaitkan aktiviti dengan topik pembelajaran yang akan diajar.</li> </ul>	
<b>Langkah 1</b> <b>penerokaan</b> <b>(15 minit)</b>	Taburan Penduduk Di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Guru mengedarkan gambar dan kad perkataan yang menunjukkan ciri-ciri taburan penduduk.</li> <li>- Setiap murid mendapat 1 gambar atau kad warna.</li> <li>-Guru melukis tiga bahagian mengikut jenis kepadatan taburan penduduk di papan putih.</li> <li>- Murid diminta untuk meneliti gambar dan perkataan yang diberikan.</li> <li>- Guru memberikan masa 1 minit untuk meneliti.</li> <li>-Murid dibenarkan untuk berbincang dengan rakan.</li> <li>- Guru memberikan arahan kepada murid.</li> <li>-Murid diminta untuk menampal gambar dan kad perkataan tersebut di papan putih mengikut kesesuaian seperti yang diarahkan oleh guru.</li> </ul>	<b>BBB:</b> 1. gambar 2. kad perkataan

		<p>-Murid diminta untuk menyatakan sebab-sebab memilih bahagian jenis kepadatan berdasarkan gambar dan perkataan yang ditampal.</p> <p>- Penilaian diberikan oleh guru dan murid terhadap aktiviti yang dijalankan.</p>	
<p><b>Langkah 2</b> <b>penerangan</b> <b>(15 minit)</b></p>	<p>Jenis Taburan Penduduk</p>	<p>- Guru menerangkan taburan penduduk di Malaysia.</p> <p>- Guru menjelaskan ciri-ciri kawasan berdasarkan jenis taburan penduduk.</p> <p>- Guru memberi contoh kawasan tertentu mengikut jenis taburan penduduk.</p> <p>-Guru mengadakan sesi soal jawab bersama murid.</p> <p>- Guru memberikan pujian kepada murid yang berjaya menjawab persoalan.</p> <p>- Guru memberi pujian terhadap murid yang mengajukan soalan.</p> <p>-Murid memberi perhatian terhadap penerangan guru dan memberi maklum balas terhadap soalan yang dikemukakan oleh guru.</p>	<p>Murid dapat membezakan ciri-ciri kawasan mengikut jenis taburan penduduk.</p> <p>BBB</p> <p>1. powerpoint</p>
<p><b>Langkah 3</b> <b>pengembangan</b> <b>(15 minit)</b></p>	<p>Jenis Taburan Penduduk</p>	<p>- Guru memaparkan peta Malaysia pada 'kadbod' di papan putih.</p> <p>- Murid diminta untuk mengenalpasti kawasan yang mempunyai taburan penduduk yang padat, sederhana dan jarang.</p> <p>-Guru memberi penerangan mengenai cara melabel peta mengikut warna yang berbeza.</p> <p>- Guru bertanya tentang apa yang diterang oleh guru berkaitan topik untuk menguji daya ingatan dan kefahaman murid.</p>	<p>-Tujuan adalah untuk pelajar dapat mengenalpasti jenis-jenis taburan penduduk yang berbeza mengikut kawasan di Malaysia.</p>

		<p>-Murid diminta untuk berdiri dan bergerak ke hadapan kelas.</p> <p>- Murid yang diberikan tiga jenis ‘pin peta berwarna’.</p> <p>- Setiap kumpulan memiliki sejenis pin peta berwarna.</p> <p>- Murid diminta untuk mencucuk pin tersebut di peta mengikut kepadatan penduduk.</p> <p>-Setiap murid akan berpeluang untuk ke hadapan kelas dan mencucuk pin di peta yang dilekatkan oleh guru di hadapan kelas.</p> <p>-Murid diminta menerangkan peta yang mereka dilabelkan.</p> <p>-Murid mendengar penilaian guru sambil membuat rujukan berdasarkan peta yang telah dipaparkan guru bagi mengukuhkan pengetahuan yang sedia ada.</p> <p>-Guru memaparkan gambar kawasan di Malaysia mengikut jenis taburan penduduk.</p> <p>-Guru memberikan peta kosong dan pensel warna kepada setiap pelajar.</p> <p>-Guru mengarahkan murid mewarnakan peta tersebut mengikut 3 warna berdasarkan jenis taburan penduduk.</p> <p>-Murid mewarnakan peta mengikut jenis taburan penduduk berdasarkan contoh kawasan yang dipaparkan oleh guru.</p> <p>-Wakil pelajar membentangkan peta yang telah diwarnakan di hadapan kelas.</p> <p>-Guru membuat penilaian terhadap peta yang diwarnakan.</p>	<p>BBB:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peta di cardboard</li> <li>2. peta di plastik lut sinar</li> <li>3. sticker</li> <li>4. powerpoint</li> </ol>
--	--	--	---

<b>Penutup (5 minit)</b>	Rumusan dan Latihan Susulan	- Guru meminta murid untuk membuat rumusan di atas kertas berwarna yang disediakan.  -Pelajar membuat kesimpulan dan rumusan berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	
------------------------------	-----------------------------------	--	--





**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK: LINK YOUTUBE BAGI SIMULASI**

---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>1) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>3) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |

**LINK YOUTUBE SIMULASI**

<https://youtu.be/r1SsgCx3eZ4>



**UGM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

---

**TAJUK: REFLEKSI SIMULASI**

---

**NAMA AHLI KUMPULAN:**

- |                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>1) AISAH BINTI EMRAN</b>         | <b>136335</b> |
| <b>2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI</b> | <b>136417</b> |
| <b>3) NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>    | <b>136467</b> |
| <b>4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD</b> | <b>136421</b> |

## **1) AISAH BINTI EMRAN (136335)**

Berdasarkan simulasi pengajaran Geografi yang telah kami jalankan, terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan yang telah saya kenal pasti. Antara kekuatan ialah saya dapat lihat nilai kerjasama yang begitu baik antara kami sekumpulan dan juga sesama rakan sekelas yang lain. Nilai kerjasama yang wujud dapat menjadikan hubungan silaturahim antara kami menjadi lebih akrab dan hal ini membuatkan simulasi yang telah dirancang secara umumnya berjalan dengan lancar. Dari segi kerjasama dalam satu kumpulan, kami telah bersama-sama merancang dan menyediakan bahan untuk digunakan dalam simulasi kami. Misalnya, dalam penghasilan peta, membeli barangan keperluan dan juga dari aspek sumbangan idea. Semua ahli kumpulan kami menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan baik walaupun terdapat kekurangan dalam simulasi. Kerjasama kami sekelas pula dapat dilihat apabila kami saling membantu untuk menjadi pelajar semasa rakaman. Kesepakatan kami sekelas telah memudahkan simulasi pengajaran serta menjadikan proses rakaman berjalan dengan lancar.

Kekuatan yang kedua ialah simulasi pengajaran yang telah dijalankan mendedahkan kami kepada suasana pengajaran dan pembelajaran sebenar. Simulasi ini bagaikan latihan kepada kami bersesuaian sebagai profesion keguruan. Selain daripada dapat mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada, kami juga mendapat banyak input-input baru yang sangat berguna. Misalnya, dalam teknik penyediaan rancangan pengajaran harian yang memerlukan kami merujuk rancangan pengajaran tahun untuk membahagikan pecahan masa bagi sesuatu tajuk mengikut minggu yang dinyatakan. Di samping itu, simulasi ini memberikan kami peluang untuk mengaplikasikan dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam kursus kaedah mengajar di dalam suasana pembelajaran sebenar di dalam kelas. Ia juga membantu kami untuk mengenal pasti cabaran dan cara mengatasi masalah yang mungkin timbul dalam pendidikan pada masa akan datang. Tambahan lagi, simulasi yang ini juga mampu meningkatkan keyakinan diri kami sebagai bakal guru. Secara peribadinya, bukan mudah untuk bercakap di hadapan kelas. Ia memerlukan keyakinan dan keberanian yang tinggi untuk bersuara di hadapan orang ramai. Namun, dengan adanya simulasi seperti ini saya dapat berlatih, berusaha dan mencuba untuk meningkatkan keyakinan diri sebagai persediaan untuk berhadapan dengan murid kelak.

Antara kelemahan yang saya dapat kenal pasti ialah dari segi teknik pengajaran yang tidak mengikut teknik yang sebenar. Misalnya, dalam teknik penyoalan yang berkesan, guru sepatutnya memberikan masa menunggu selama beberapa minit sebelum meminta jawapan daripada pelajar. Tetapi, teknik ini tidak dilaksanakan semasa menjalankan simulasi pengajaran. Seterusnya ialah kesukaran menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Hal ini demikian kerana kurangnya kreativiti dalam merancang sebahagian aktiviti pengajaran menyebabkan pengajaran itu membosankan dan tidak mendapat sambutan memberangsangkan daripada murid. Misalnya, aktiviti penerokaan yang dijalankan sudah biasa dilakukan dalam pengajaran. Di samping itu, kelemahan dari segi penyediaan bahan bantu mengajar. Contohnya, kad perkataan dan gambar yang terlalu kecil dan juga lukisan peta yang kami hasilkan kurang tepat.

Antara penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ialah bakal guru perlulah menyemak semula kemahiran pengajaran mikro yang dipelajari dan membuat penambaaikan pada simulasi yang akan datang. Misalnya, dari segi penyediaan dan penggunaan bahan bantu mengajar dengan baik serta teknik-teknik pengajaran yang terlibat. Bakal guru perlu mengintegrasikan semua pengetahuan dan pengalaman dalam simulasi demi memperbaiki kemahiran mengajar mereka. Selain itu, bakal guru juga perlu lebih kreatif dalam merancang aktiviti pengajaran untuk menarik minat murid agar melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Bakal guru juga perlu mengambil berat tentang elemen pembelajaran abad ke-21 iaitu 4C yang melibatkan komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan pemikiran kreatif dalam merancang pembelajaran untuk murid-murid.

## **2) NOR AMIRAH BINTI NORJAINI (136417)**

Salah satu tugas yang wajib untuk dilaksanakan ialah simulasi pengajaran. Saya dan ahli kumpulan melakukan simulasi pengajaran dan mendapat tajuk Alam Sekitar Manusia: Penduduk Di Malaysia. Kami memfokuskan kepada jenis-jenis taburan penduduk dan faktor yang mempengaruhinya. Kami telah membahagikan ahli kumpulan kepada tugas masing-masing. Ahli kumpulan yang terdiri daripada 4 orang diberikan tugas set induksi, penerokaan, penerangan dan juga pengembangan. Saya telah mendapat tugas di bahagian pengembangan. Hal ini bermaksud saya bertanggungjawab untuk mengadakan aktiviti dan permainan yang boleh mengukuhkan lagi tahap pengetahuan dan pemahaman murid terhadap topik yang diajar oleh guru.

Aktiviti yang saya jalankan dalam pengembangan ialah melebelkan kawasan yang terdapat padat penduduk, sederhana penduduk dan kurang penduduk diatas peta sebenar. Para pelajar dapat melebelkan dengan betul. Namun demikian, pensyarah telah menegur agar menggunakan peta sebenar kerana peta sebenar lebih baik berbanding dengan peta yang dilukis sendiri. Hal ini kerana, lukisan akan mengubah bentuk peta tersebut. Dari segi arahan pula, penilaian pensyarah agak baik dari segi pemberian arahan oleh guru. Arahan yang jelas sangat penting untuk memastikan aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar. Tambahan pula, pelajar akan keliru jika arahan yang diberikan tidak jelas.

Akhir sekali, saya sangat berterima kasih kepada ahli kumpulan saya kerana banyak memberikan tunjuk ajar dan kerjasama yang baik sepanjang melakukan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah PM DR. Aziah kerana memberikan tunjuk ajar dan ilmu yang tidak ternilai kepada saya sepanjang saya mengikuti kursus ini. Semoga apa yang saya pelajari ini dapat saya manfaatkan pada masa hadapan terutamanya semasa latihan mengajar kelak.

### **3) NURASYIKIN BINTI JAWAD (136467)**

Berdasarkan simulasi PGT 223 Kaedah Mengajar Geografi, kumpulan kami telah memilih Geografi Manusia. Kami telah memilih untuk mengajar topik Taburan Penduduk di Malaysia. Kami telah bertungkus lumus membuat rancangan pengajaran supaya objektif pengajaran kami tercapai.

Antara kekuatan kami ialah kami telah melakukan aktiviti yang menarik dan menggunakan bahan bantu belajar yang menarik serta fleksibel. Kami telah mengajar mengikut Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) iaitu dengan melakukan aktiviti yang berpusatkan murid dengan kaedah perbincangan. Bahan bantu belajar juga dibina dengan kreatif bagi menarik perhatian murid semasa proses pembelajaran. Kami membuat aktiviti yang boleh dilakukan sama ada di sekolah yang mempunyai ICT ataupun di sekolah yang kurang kemudahan teknologi seperti sekolah pedalaman. Kami juga melakukan melakukan set induksi yang jelas bagi memastikan murid faham dan tahu tentang topik pembelajaran pada hari tersebut. Pengajaran kami pada hari itu juga teratur dan mudah.

Antara kelemahan ialah bilik rakaman terlalu kecil menyebabkan murid sukar untuk melakukan pergerakan semasa sesi perbincangan. Selain itu, masa pengajaran mikro terlalu pendek menyebabkan pengajaran topik tersebut dilakukan dengan cepat. Ada juga murid yang datang lewat semasa pengajaran mikro bermula menyebabkan sedikit gangguan.

Antara penambahbaikan ialah bilik rakaman perlu dilakukan di bilik yang lebih kondusif. Selain itu, murid juga perlu datang tepat pada masa yang dirancang supaya pengajaran mikro dilakukan dengan lancar dan teratur serta pembahagian kumpulan dapat dibahagikan dengan seimbang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutama Dr. Aziah kerana telah membantu kami memberi tunjuk ajar dan membimbing kami, rakan kumpulan dan rakan-rakan yang menjadi pelajar simulasi kami.

#### **4) NOR HIDAYAH BINTI MOHAMAD (136421)**

Subjek ini memberi peluang untuk pelajar melaksanakan latihan mengajar sebagai guru walaupun murid-muridnya terdiri daripada rakan-rakan sendiri. Berdasarkan simulasi yang telah saya laksanakan berdasarkan tema yang dipilih iaitu geografi manusia, saya dapat mempelajari banyak perkara seperti meningkatkan kemahiran komunikasi, memperbaiki cara menyampaikan pengajaran dan juga mempelajari teknik yang terbaik untuk mengajar geografi. Gabungan ahli kumpulan yang sentiasa membantu ditambah dengan tajuk yang diperoleh agak mudah untuk disampaikan menjadikan saya melaksanakan simulasi ini dengan cara yang terbaik.

Sebelum simulasi dilaksanakan, kami membina kumpulan serta membuat cabutan undian untuk pemilihan tajuk. Setelah itu, proses pencarian maklumat dan pembinaan idea dilaksanakan melalui perbincangan kumpulan. Pengumpulan maklumat dan idea ini membantu saya untuk lebih berfikir secara kreatif kerana bersama ahli kumpulan kita dapat berkongsi pendapat yang telah dikumpulkan dan cara fikir ahli kumpulan yang berbeza menjadikan kita lebih berfikir untuk menghasilkan suatu simulasi yang terbaik melalui gabungan idea setiap ahli kumpulan. Sebelum itu, kami memerlukan beberapa orang pelajar tingkatan 1 untuk ditemu bual bagi mengenalpasti perasaan mereka terhadap pembelajaran geografi seterusnya berdasarkan temu bual tersebut, kami menghasilkan simulasi yang sesuai dengan minat serta keperluan pelajar. Untuk hari sebelum simulasi ini dilaksanakan, saya agak kelam kabut disebabkan kesibukan tugas yang diperoleh daripada subjek lain juga, menyebabkan persediaan untuk simulasi ini dibuat pada saat akhir. Pada malam sebelum simulasi dilakukan, kami bertungkus lumus menyiapkan Alat Bantu Mengajar dan melakukan persediaan tertentu untuk simulasi pada keesokan harinya.

Semasa simulasi dilakukan, saya agak gementar kerana saya kurang berkeyakinan untuk menerangkan topik yang telah disediakan. Disebabkan saya ada kelemahan iaitu kurang mahir untuk menerang, saya sangat gugup untuk menyampaikan simulasi pengajaran ini. Tapi, alhamdulillah semuanya berjalan dengan lancar. Komen dari Dr. Aziah yang mana saya memerlukan untuk menyediakan slide perbentangan yang menarik serta tidak terlalu banyak perkataan di dalam slide tersebut. Seterusnya, bahagian formula pengiraan, sepatutnya saya perlu untuk menunjukkan cara pengiraan yang lebih terperinci pada papan tulis di dalam kelas. Bagi pendapat peribadi saya pula, saya seperti kelihatan kekok untuk mengajar dengan kedudukan yang statik sahaja sewaktu penerangan dijalankan. Semua masalah atau perkara



yang kurang ini membantu saya untuk lebih peka dan meningkatkan potensi untuk memperbaiki dengan sepatutnya.

Selepas simulasi pula, perbincangan bersama Dr. Aziah untuk mengutarakan komen kepada pelajar supaya pelajar dapat apa yang disampaikan. Komen-komen membina menjadikan para pelajar lebih menguasai serta memperbaiki perkara yang sepatutnya. Komen yang disampaikan untuk kumpulan saya dan juga kumpulan lain memberikan pendedahan kepada saya untuk lebih memperbaiki diri demi masa hadapan. Kekurangan yang ada sepatutnya boleh dijadikan penolak untuk membina diri menjadi yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, saya merasakan simulasi mengajar melalui subjek ini menjadikan saya lebih baik dari sebelumnya. Segala ilmu yang disampaikan dan pembelajaran yang diperoleh dari ahli kumpulan lain menjadikan subjek ini bermanfaat untuk ke depan kelak. Sebagai bakal guru, teknik-teknik dan cara penyampaian yang betul perlu diterapkan. Melalui simulasi mengajar ini, penerapan kepada melahirkan guru berkualiti dipertingkatkan dengan latihan atau simulasi yang dijalankan. Diharap melalui simulasi-simulasi yang dijalankan ini memberi nilai tambah dalam usaha untuk menjadi bakal guru yang berkualiti dan serba boleh.